

# **ANALISIS KATA SERAPAN BAHASA ARAB BERDASARKAN PEMBENTUKAN KATA BAHASA MELAYU**

## **(ANALYSIS ON ARABIC LOAN WORDS BASED ON MALAY WORD FORMATION)**

Noor Azlina Zaidan, Mohd Zaki bin Abd Rahman,  
Muhammad Azhar Zailaini  
Fakulti Bahasa dan Linguistik  
Universiti Malaya  
[ziraaz76@yahoo.com](mailto:ziraaz76@yahoo.com), [zakirah@um.edu.my](mailto:zakirah@um.edu.my),  
[azhar@um.edu.my](mailto:azhar@um.edu.my)

### **Abstrak**

Artikel ini membincangkan Kata Serapan Bahasa Arab (KSBA) berdasarkan pembentukan kata bahasa Melayu (tulisan Jawi), khususnya Kata Tunggal. KSBA ini dianalisis mengikut kaedah pembentukan kata bahasa Melayu, iaitu pola konsonan-vokal bahasa Melayu oleh Nik Safiah Karim (2015). Data dalam bentuk perkataan KSBA diperoleh daripada buku-buku teks mata pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan Tahun 1 hingga Tahun 6 (KSSR). Dalam menganalisis data dalam ejaan Jawi, pengkaji merujuk Daftar Kata Bahasa Melayu Jawi-Sebutan-Rumi (DKBM) sebagai asas dan panduan dalam pengejaan perkataan Jawi. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat kepelbagaiannya dalam pola gabungan vokal-konsonan KSBA dari aspek pembentukan kata dalam bahasa Melayu. Kebanyakan daripada pola konsonan-vokal bagi KSBA ini tidak terdapat dalam perkataan-perkataan bahasa Melayu jati. Kajian analisis KSBA berdasarkan pembentukan kata bahasa Melayu ini merupakan satu kajian perintis

terhadap KSBA yang terdapat dalam bahasa Melayu dari segi perbandingan pola gabungan konsonan-vokal antara kedua-dua bahasa ini, selain ia merupakan satu nilai tambah terhadap kajian pembentukan kata bahasa Melayu khususnya, dan kekayaan ilmu tatabahasa bahasa Melayu amnya.

**Kata kunci:** Kata Serapan Bahasa Arab, pembentukan kata, bahasa Melayu, pola konsonan-vokal.

### *Abstract*

*This article discusses Arabic loanwords in Malay word formation (in Jawi script), especially singular words. The data in the form of Arabic loanwords were derived from the text books of Islamic Education Primary School, Years 1 to 6 (KSSR). Arabic loanwords were analyzed according to the method of Malay word formation (consonant-vowel pattern) by Nik Safiah Karim (2015). In analyzing the Jawi data, the Malay-Jawi-Rumi Glossary (DKBM) was used as a basic reference and guidance for Jawi spelling. The findings indicate that there is diversity in the pattern of vowel-consonant combination of Arabic loanwords in the Malay language. Most of the consonant-vowel patterns of the Arabic loanwords are not found among pure Malay words. The study of Arabic loanword analysis based on Malay word formation is a pioneering study of Arabic loanwords in Malay in terms of how it analyses comparative patterns of vowels-consonants between the two languages, and broadens the study of Malay language word formation and general knowledge of Malay grammar.*

**Keywords:** Arabic loanwords, word formation, Malay, pattern vowel-consonant.

### Pendahuluan

Pembentukan kata merupakan satu proses mengolah unsur-unsur bahasa tersebut sehingga menjadi perkataan yang boleh diujarkan dan difahami oleh penuturnya. Menurut Nik Safiah Karim (1996), pembentukan kata merupakan satu proses penyusunan morfem menurut peraturan sistem

morfologi bahasa itu. Secara tidak langsung, proses ini turut menambah serta memperkaya perbendaharaan kata sesuatu bahasa itu. Proses pembentukan kata dalam bahasa Melayu melibatkan proses pengimbuhan, penggandaan dan pemajmukan (Nik Safiah Karim, 2015, Faridah Nazir, 2016). Selain daripada pengayaan kata bahasa Melayu melalui proses pembentukan kata daripada perkataan itu sendiri, pengayaan kata dalam bahasa Melayu turut berlaku melalui kemasukan dan penyerapan perbendaharaan kata asing ke dalam bahasa Melayu. Sejak kurun ke-14, bahasa Arab yang merupakan bahasa komunikasi mubaligh Arab telah meresap masuk ke dalam bahasa Melayu melalui interaksi dan dakwah yang disampaikan kepada penduduk tempatan. Selain daripada pertambahan lebih 2000 perbendaharaan kata Arab ke dalam bahasa Melayu (Muhammad Abdul Jabbar Beg, 1983), kemasukan dan penyerapan bahasa Arab ini turut mempengaruhi sistem tatabahasa bahasa Melayu termasuklah penambahan dan pengayaan pola gabungan konsonan-vokal kata tunggal bahasa Melayu.

## Konsep Dan Definisi

Menurut Asmah Omar (2015), pembentukan kata ialah cara kata-kata dibentuk; atau proses yang dilalui oleh sesuatu kata dalam pengwujudannya. Menurut Ahmad Khair Mohd Nor (2007), pembentukan kata ialah proses bagaimana sesuatu kata itu dicipta, dibentuk atau diwujudkan dalam sesuatu bahasa. Menurut beliau lagi, sesuatu perkataan itu wujud daripada dua sumber, iaitu (i) asal bahasa itu sendiri, dan (ii) dibentuk, kemudian melalui proses tertentu. Definisi yang diberikan oleh kedua-dua pakar bahasa ini adalah selari dengan definisi pembentukan kata (*word formation*) yang dikemukakan oleh *Oxford Concise Dictionary of Linguistics* (2007), iaitu 1. Pembentukan perkataan secara umum. 2. Pembentukan perkataan sebagai unit leksikal.

## Latar Belakang

Kaedah pembentukan kata bagi perkataan bahasa Melayu adalah berbeza dengan kaedah pembentukan perkataan bahasa Arab. Menurut Nik Safiah Karim (2015), bahasa Melayu adalah salah satu bahasa di dunia yang tergolong dalam jenis bahasa yang bersifat derivatif, iaitu membentuk

kebanyakannya perkataannya melalui proses pengimbuhan atau penggabungan morfem kata dasar dengan morfem imbuhan. Proses pembentukan kata yang bersifat derivatif ini, menurut Nik Safiah Karim (2015) dapat menerbitkan sekian banyak perkataan melalui percantuman kata dasar dengan pelbagai imbuhan yang terdapat dalam sesuatu bahasa itu. Menurut beliau lagi, kaedah pembentukan bahasa Melayu ini adalah berbeza daripada kaedah pembentukan kata bagi bahasa-bahasa yang bersifat fleksi seperti bahasa Arab.

Menurut Mohd Zaki Abd. Rahman (2016), bahasa Arab merupakan golongan bahasa infleksi (*inflectional language*) atau dikenali sebagai bahasa fleksi (*flexional language*), iaitu satu bahasa yang menunjukkan gabungan ciri-ciri distingtif dari segi semantik dalam satu bentuk terikat yang tunggal atau dalam bentuk terikat yang bersatu dengan padunya. Menurut beliau, dengan kata lain, bahasa ini memperlihat perubahan dalaman bagi kata dan ciri-ciri yang berkaitan dengan aspek masa, aspek jumlah, aspek genus (jantina), kasus dan lain-lain secara serentak. Misalnya, satu perkataan kata kerja yang terbina daripada tiga huruf konsonan yang disokong oleh tiga baris (vokal) yang berturut-turut (KV+KV+KV) seperti perkataan “كتب ” mengandungi beberapa ciri semantik dan unsur tatabahasa secara bersepadau, iaitu (i) masa perlakuan dibuat, (ii) jumlah pelaku, (iii) genus (jantina) pelaku, (iv) kedudukan ganti nama (pertama, kedua atau ketiga) dan (v) sifat ganti nama, sama ada tersurat atau tersirat.

Dari segi pola gabungan konsonan-vokal dalam perkataan, Faridah Nazir (2013) menyatakan bahawa semua bahasa adalah terdiri daripada konsonan dan vokal; dan gabungan kedua-duanya akan menghasilkan bunyi yang bermakna. Set-set konsonan dan vokal pula apabila bercantum akan menghasilkan ayat-ayat yang berbeza. Bagi set konsonan-vokal bahasa Melayu, menurut Ahmad Khair Mohd Nor (2007), kata-kata dalam bahasa Melayu terbentuk daripada gabungan bunyi-bunyi yang berdasarkan pola suku kata yang jelas, khususnya yang berkaitan dengan kata-kata yang dikategorikan sebagai kata asli bahasa Melayu. Kejelasan pola suku kata bagi kata-kata bahasa Melayu adalah disebabkan oleh wujudnya bunyi atau huruf vokal dalam setiap suku kata (Ahmad Khair Mohd Nor, 2007).

Bagi pola gabungan konsonan-vokal bahasa Melayu jati, Nik Safiah Karim (2015) menyatakan bahawa bahasa Melayu tidak mempunyai pola-pola V, KVK (dalam satu perkataan) dan beberapa pola lagi yang wujud dalam beberapa bahasa lain di dunia. Bagi suku kata, menurut beliau, suku kata bahasa Melayu boleh terdiri daripada satu vokal (V) sahaja, satu vokal disertai satu konsonan (K), atau satu vokal dengan beberapa konsonan. Menurut beliau lagi, konsonan-konsonan itu hadir di hadapan atau di belakang vokal atau serentak di hadapan dan di belakang. Hal ini selari dengan kajian Zaharani Ahmad dan Teoh Boon Seong (2006) yang menegaskan bahawa pola suku kata dasar kata bahasa Melayu adalah daripada Jenis IV (Clements & Keyser, 1985), iaitu (K)V(K) yang menghasilkan permutasi KV (cth. pa.lu), KVK (cth. pan.tun), V (cth. i.tu) dan VK (cth. in.dah).

Selain itu, dari segi gugusan konsonan (KK), Nik Safiah Karim (2015) mengatakan bahawa pola-pola gabungan konsonan-vokal dalam bahasa Melayu jati tidak mengandungi gugus konsonan dalam pola konsonan-vokalnya, sama ada di posisi onset mahupun koda [Zaharani Ahmad (2013)]. Misalnya, bahasa Melayu tidak mengandungi gugus konsonan KVK (seperti 'skor') dan beberapa pola lagi yang wujud dalam beberapa bahasa lagi dalam dunia (Nik Safiah Karim, 2015). Namun begitu, menurut beliau, perkataan bahasa Melayu telah melalui proses pengambilan perkataan daripada bahasa-bahasa asing dan dianggap sebagai satu 'gejala baru', iaitu menerbitkan pola-pola gabungan konsonan-vokal yang mempunyai gugus konsonan, iaitu KVK seperti 'stor', 'gred' dan 'krim', pola KVKK seperti 'teks', 'bank' dan 'golf', KKKV seperti 'skru' dan KKKVK seperti 'skrip' dan 'straw'.

Bagi Bahasa Arab pula, menurut Mohd Zaki Abd. Rahman (2016), kata akar dalam bahasa Arab biasanya terdiri daripada tiga huruf konsonan yang disokong oleh tiga baris (vokal) yang berturut-turut. Gabungan setiap konsonan dan baris akan membentuk satu suku kata terbuka. Jadi, menurut beliau, satu kata akar dikira terdiri daripada tiga suku kata terbuka, seperti “كتب” (KV+KV+KV). Menurut beliau lagi, bilangan tiga suku kata terbuka seperti ini ialah kadar maksimum bagi turutan suku kata yang serupa dalam satu kata akar yang merupakan morfem bebas (*free morpheme*). Dengan demikian, menurut Mohd Zaki Abd. Rahman (2016), dalam satu-satu kata, dipelbagaikan bentuk suku kata,

iaitu antara suku kata terbuka dengan suku kata tertutup. Ia bertujuan bagi meringankan proses penyebutan. Manakala bagi suku kata tertutup, menurut Mohd Zaki Abd. Rahman (2016), ia hanya berulang semaksimum dua kali dalam satu perkataan, misalnya pada awal perkataan “بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ” (KVK+KV+KV+KV+KV).

Bagi pengejaan Jawi KSBA, menurut Hamdan Abdul Rahman (2014), kaedah pengejaan KSBA dalam pengejaan Jawi adalah tertakluk kepada dua perkara, iaitu sama ada (i) perkataan tersebut adalah istilah keagamaan atau tidak, dan (ii) jenis vokal yang digunakan (dalam pengejaan asal bahasa Arab), sama ada vokal pendek atau vokal panjang. Menurut beliau, bagi perkataan satu suku kata, sekiranya kata asal dalam bahasa Arab itu menggunakan vokal panjang (huruf alif, wau atau ya’), maka KSBA tersebut akan dieja dengan menggunakan huruf vokal tersebut. Sebaliknya, sekiranya kata asal bahasa Arab tersebut tidak menggunakan huruf vokal, maka KSBA tersebut tidak akan menggunakan huruf huruf vokal dalam pengejaannya. Misalnya ialah perkataan “روح”，“عام” dan “ذات” yang menggunakan huruf vokal, dan perkataan “حق”，“صح” dan “شاعر” tidak menggunakan huruf vokal. Menurut Awang Sariyan (2002), huruf alif dalam pengejaan Jawi bukan hanya merujuk kepada huruf ‘a’ semata-mata, malah ia juga merujuk kepada huruf ‘u’ dan ‘i’ (seperti perkataan ukhuwah, ustaz dan ujrah; dan Islam, istinjak dan isyarat).

## **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif-objektif yang berikut: (1) mengenal pasti kata tunggal Kata Serapan bahasa Arab berdasarkan jenis-jenis suku kata bahasa Melayu (2) mengenal pasti pola gabungan konsonan-vokal bagi Kata Serapan bahasa Arab dalam bahasa Melayu.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan bagi memenuhi kehendak objektif kajian. Menurut Creswell (2009), analisis kandungan dokumen adalah satu daripada teknik khusus bagi kajian kualitatif, selain etnografi, teori beralas/berlandas, fenomenologi dan kajian sejarah bagi

tujuan menganalisis data dokumen dan temubual berbentuk teks (Hsieh & Shannon, 2007). Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dalam menganalisis data. Menurut Bryman (2008), kajian kualitatif adalah strategi kajian yang lazimnya menekankan kepada perkataan berbanding pengiraan data yang dikumpul dan dianalisis. Reka bentuk ini amat bersesuaian dengan tujuan kajian pengkaji kerana data kajian ini adalah dalam bentuk perkataan dan bukan dalam bentuk nombor.

### **Data Kajian**

Data kajian merupakan perkataan-perkataan KSBA yang terdapat dalam buku teks Pendidikan Islam Tahun 1 hingga Tahun 6 Sekolah Rendah (terbitan tahun 2010 hingga 2015). Perkataan-perkataan ini dikumpulkan bermula dari muka surat satu hingga muka surat terakhir buku teks. Perkataan-perkataan ini kemudiannya dipastikan ejaaannya (Jawi) berpandukan Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi (DBP, 2008). Perkataan-perkataaan ini seterusnya dianalisis pola gabungan konsonan-vokalnya berpandukan kaedah pola konsonan-vokal Nik Safiah Karim (2015). Dapatan kajian dihuraikan secara deskriptif melalui jadual mengikut jumlah suku kata bagi perkataan-perkataan dari Tahun 1 hingga Tahun 6 buku teks.

### **Pola Gabungan Konsonan-vokal Bahasa Melayu**

Berdasarkan buku Pedoman Ejaan Rumi Bahasa Melayu, PERBM (DBP, 2000), setiap suku kata bahasa Melayu adalah ditandai dengan satu vokal. Vokal tersebut sama ada didahului, diikuti atau diapiti oleh konsonan. Dalam kajian Zaharani Ahmad (2014), beliau menyatakan bahawa beberapa ahli bahasa, iaitu Abdullah Hassan (1974), Yunus Maris (1980) dan Farid M. Onn (1980) menyatakan bahawa suku kata dasar bahasa Melayu adalah berstruktur (K)V(K), iaitu ia boleh terdiri daripada V, KV, VK dan KVK. Namun, bagi Teoh (1994), beliau menyatakan bahawa bahasa Melayu adalah bahasa yang tergolong dalam kumpulan III, iaitu yang struktur suku kata dasarnya ialah KV(K), iaitu menolak suku kata tanpa onset, iaitu V dan VK. Namun begitu, bagi tujuan kajian ini, pengkaji merujuk kepadauraian Nik Safiah Karim (2015) yang menggabungkan pola konsonan-vokal bahasa Melayu jati dan kata pinjaman.

Bagi Kata Tunggal satu suku kata, menurut Nik Safiah Karim (2015) dan Zaharani Ahmad (2013), jumlah Kata Tunggal dengan satu suku kata dalam bahasa Melayu sangat terhad, dan kebanyakannya adalah terdiri daripada kata pinjaman daripada bahasa asing, terumanya bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Menurut Nik Safiah Karim (2015), pola gabungan konsonan-vokal bagi Kata Tunggal dalam bahasa Melayu adalah seperti KV (yu), VK (am), KVK (cat), KKVK (stor), KVKK (teks), KKKV (skru) dan KKKVK (skrip).

Menurut Nik Safiah Karim (2015) dan Ahmad Khair Mohd Nor (2007), sebahagian besar perkataan dalam bahasa Melayu terdiri daripada dua suku kata. Begitu juga Yunus Maris (1980), Zaharani Ahmad & Teoh Boon Seong (2006) yang menyatakan bahawa Bahasa Melayu adalah bahasa dua suku kata (Zaharani Ahmad, 2013). Bagi Kata Tunggal dua suku kata, menurut beliau, antara pola Kata Tunggal dua suku kata ialah V+KV (apa), V+VK (air), V+KVK (emas), VK+KV (impi), VK+KVK (indah), KV+VK (jauh), KV+KV (pasu), KV+KVK (kapal), KVK+KV (lampa), janji) dan KVK+KVK (jemput).

Bagi Kata Tunggal tiga suku kata, menurut Nik Safiah Karim (2015), jumlah kata bagi kategori ini sangat kecil jika dibandingkan dengan Kata Tunggal dua suku kata. Namun begitu, menurut beliau, pola-pola susunan konsonan-vokalnya agak banyak. Menurut beliau, kebanyakan perkataan tiga suku kata ini terdiri daripada kata-kata pinjaman. Antara polanya ialah:

- |                        |                           |
|------------------------|---------------------------|
| 1. KV+V+KV (suara)     | 11. KV+KV+KV (budaya)     |
| 2. KV+V+KVK (kaedah)   | 12. KVK+KV+KV (mentega)   |
| 3. V+KV+V (idea)       | 13. VK+KV+VK (ilmiah)     |
| 4. KV+KV+V (benua)     | 14. V+KV+VK (akaun)       |
| 5. KVK+KV+V (mentua)   | 15. KV+KV+KVK (riwayat)   |
| 6. KV+KV+VK (rasuah)   | 16. KVK+KV+KVK (martabat) |
| 7. KVK+KV+VK (manfaat) | 17. KV+KVK+KV (royalti)   |
| 8. V+KV+KV (azali)     | 18. KVK+KVK+KV (sempurna) |
| 9. V+KV+KVK (amanah)   | 19. KV+KVK+KVK (kelompok) |
| 10. VK+KV+KV (almari)  |                           |

Sebagaimana Kata Tunggal tiga suku kata, menurut Nik Safiah Karim (2015), kebanyakan Kata Tunggal empat dan lima suku kata adalah terdiri daripada kata pinjaman. Pola gabungan konsonan-vokalnya adalah seperti berikut:

- |                                |  |
|--------------------------------|--|
| 1. KV+KV+VK+KV<br>(keluarga)   | 7. KV_KV+KV+KV<br>(sentimeter)           |
| 2. KV+KVK+KV+KV<br>(sederhana) | 8. KVK+KVK+KV+KV<br>(dispensari)         |
| 3. KVK+KV+KV+KV<br>(bendahari) | 9. KV+KV+V+KVK<br>(mesyuarat)            |
| 4. KVK+KV+V+KV<br>(sentiasa)   | 10. V+KV+KVK+KV+KVK<br>(universiti)      |
| 5. KV+KV+KV+KV<br>(samudera)   | 11. KVK+KV+KV+KV+KVK<br>(kosmopolitan)   |
| 6. KV+KV+KV+KVK<br>(munasabah) | 12. KV+KV+KV+KV+KVK+KV<br>(maharajalela) |

Bagi perkataan bahasa Arab, pola-polanya adalah seperti KV, KVK, KVV, KVK, KVKK (Gaduo, 2000; McCarthy, 2005). Namun begitu, menurut Zaharani Ahmad (2011), bagi Kata Serapan Bahasa Arab, sebahagian pola tersebut seperti KVKK (seperti *"lafz"* dan *"fajr"*) diubah polanya kepada KVVK atau KVKKV menjadi *"lafaz"* dan *"fajar"* bagi disesuaikan dengan sistem tatabahasa bahasa Melayu.

### Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Berdasarkan data yang telah diperolehi, pengkaji telah merumuskan KSBA berdasarkan kaedah pola gabungan konsonan-vokal Nik Safiah Karim (2015) mengikut jenis-jenis suku kata seperti yang berikut:

**Jadual 1:** Kata Serapan Bahasa Arab Aspek Pembentukan Kata:  
Satu Suku kata

Tahun	Kata Serapan (Buku Teks)	Muka surat	Perkataan (B. Arab)	Kamus Dewan (2010)	Pola K-V (Jawi)
Tahun 1	صَحْ بَنْ	97, 102 111	صَحْ بَنْ	sah bin	KK KK
Tahun 2	خَطْ	29	خَطْ	khat	KK
	صَفْ	29	صَفْ	saf	KK
	صَحْ	80	صَحْ	sah	KK
Tahun 3	صَحْ بَنْ	101 104, 108	صَحْ بَنْ	sah bin	KK KK
	حَدْ	126	حَدْ	had	KK
	جِينْ	25, 27	جِينْ	jin	KVK
Tahun 4	حَقْ	103	حَقْ	hak	KK
	حَدْ	128, 130	حَدْ	had	KK
	مَدْ		مَدْ	mad	KK
Tahun 5	خَطْ ذَات	67, 71 59, 86	خَطْ ذَات	khat zat	KK KVK
	حَالْ	72, 89, 91	حَالْ	hal	KVK
Tahun 6	رُوحْ	90	رُوحْ	roh	KVK
	حِيْضُونْ	108, 109	حِيْضُونْ	haid	KVK

Berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat bahawa KSBA satu suku kata yang terdapat dalam buku teks Pendidikan Islam Sekolah Rendah adalah terdiri daripada pola konsonan-vokal KK dan KVK. Melihat kepada analisis berdasarkan Jadual 1, pola gabungan konsonan-vokal hanyalah terdiri daripada dua pola, iaitu:

1. KK (seperti “بَنْ ” )
2. KVK (seperti “حَالْ ”)

Kedua-dua contoh perkataan di atas dikekalkan ejaannya dalam bahasa Arab, sebagaimana polanya dalam bahasa tersebut. Namun begitu, bagi perkataan ”jin” (جين), polanya telah bertukar apabila ejaannya telah menyisipkan vokal ”ya” di tengah perkataan, iaitu pola asalnya adalah

KK, tetapi telah diubah kepada pola KVK yang merupakan kekecualian bagi Kata Serapan bahasa Arab ini.

Selain itu, dari aspek penggunaan vokal, berdasarkan contoh-contoh KSBA dalam Jadual 1 menunjukkan bahawa terdapat dua jenis KSBA bagi Kata Tunggal satu suku kata, iaitu (1) KSBA yang tidak menggunakan huruf vokal (alif, wau atau ya) seperti perkataan sah (ص), bin (بن) dan khat (خط), dan sebahagian lagi (2) Kata Serapan bahasa Arab yang menggunakan huruf vokal, seperti perkataan zat (ذات), hal (حال) dan roh (روح). Hal ini disebabkan KSBA ini menyerap secara sepenuhnya (penyerapan penuh) ejaan asal perkataan-perkataan ini dari bahasa Arab.

Melalui bukunya, Hamdan (2014) turut mengemukakan contoh-contoh KSBA satu suku kata dengan membahagikannya kepada dua kategori, iaitu (i) tidak menggunakan huruf vokal, seperti perkataan syak (شك), hak (حق), dam (دم), dan bin (بن), juga (ii) contoh-contoh perkataan yang menggunakan vokal, seperti am (عام), khas (خاص) dan dif (ضيف). Menurut Hamdan (2014), bagi perkataan jin (جين) pemasukan huruf vokal di tengah-tengah perkataan tersebut (huruf "ya") merupakan kekecualian daripada aturan yang telah ditetapkan bagi KSBA satu suku kata dan ia dieja mengikut aturan pengejaan bahasa Melayu. Hal ini bersesuaian dengan bunyi vokal dalam bahasa Melayu, iaitu huruf alif (ا) melambangkan bunyi [a], huruf wau (و) melambangkan bunyi [u], manakala huruf ya (ي) melambangkan bunyi [i] (Hamdan, 2014).

Selain itu, berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat bahawa KSBA satu suku kata sangat terhad jumlahnya. Hal ini boleh diihat berdasarkan contoh-contoh perkataan dalam Jadual 1 yang telah diperolehi dari buku teks di atas diulang sebut dalam buku teks Tahun Satu hingga Tahun Enam. Jumlah yang terhad ini disokong dengan kata-kata Nik Safiah Karim (1996), Zaharani Ahmad (2013) dan Hamdan Abdul Rahman (2014) yang mengatakan bahawa perkataan Melayu / KSBA satu suku kata sangat sedikit jumlahnya.

### (i) Dua Suku kata

Bagi perkataan dua suku kata KSBA, kebanyakannya pola gabungan konsonan-vokal perkataan-perkataan ini tidak terdapat dalam bahasa Melayu seperti

pola K+KVK, V+KVK, KK+KK, K+KK dan lain-lain. Hal ini adalah disebabkan pengejaan perkataan-perkataan ini banyak mengekalkan ejaannya dalam bahasa Arab. Contoh-contoh perkataan-perkataan tersebut boleh dilihat dalam Jadual 2.

**Jadual 2:** Kata Serapan Bahasa Arab Aspek Pembentukan Kata:  
Kata Tunggal Dua Suku Kata

Tahun	Perkataan (Buku Teks)	Muka surat	Perkataan (B. Arab)	Kamus Dewan (2010)	Pola K-V (Jawi)
Tahun 1	حروف	65	حرف	huruf	K+KVK
	صلاة	66	صلاة	solat	K+KVK
	يقين	81, 84	يَقِين	yakin	K+KVK
Tahun 2	قبور	30	قُبُور	kubur	K+KVK
	وحي	36	وَحْيٌ	wahyu	KK+K
	فهم	50	فَهْمٌ	faham	K+KK
Tahun 3	رعيت	45	رَعِيَةٌ	rakyat	KK+KK
	جواب	81	جَوَابٌ	jawab	K+KVK
	قوات	104	قُوَّةٌ	kuat	KV+VK
Tahun 4	انصاف	1	اَنْصَافٌ	insaf	VK+KVK
	تكبر	7	تَكْبِيرٌ	takbur	KK+KVK
	حاضر	62	حَاضِرٌ	hadir	KV+KVK
Tahun 5	مخرج	2	مَخْرُجٌ	makhraj	KK+KK
	ذرة	28	ذَرَّةٌ	zarah	K+KK
	شرط	119	شَرْطٌ	syarat	K+KK
Tahun 6	جيرون	143	جِيرَنٌ	jiran	KV+KK
	وقف	40	وَقْفٌ	waqaf	K+KK
	تدوير	45	تَدوِيرٌ	tadwir	KK+KVK

Berdasarkan Jadual 2, dapat diperhatikan bahawa kebanyakan pola gabungan konsonan-vokal KSBA merupakan pola yang tidak terdapat dalam bahasa Melayu kecuali pola KV+VK (contoh: kuat-KSBA, jauh-BM), VK+KVK (contoh: insaf-KSBA, impi-BM) dan KV+KVK (contoh:

hadir-KSBA, kapal-BM). Pola-pola gabungan konsonan-vokal KSBA yang lain tidak terdapat dalam bahasa Melayu seperti pola gabungan KK+KK (contoh: رعيت -rakyat), K+KK (contoh: ذره -zarah) dan KK+KVK (contoh: تدوير -tadwir).

Selain itu, Jadual 2 turut memperlihatkan sebahagian KSBA dieja berbeza dengan ejaan asalnya dalam bahasa Arab. Manakala sebahagian perkataan lagi dieja sama seperti ejaan asalnya dalam bahasa Arab. Perkataan-perkataan dua suku kata yang dieja sama seperti perkataan asal bahasa Arab ialah “صلوة” (solat), “وحي” (wahyu), “يقين” (yakin) dan “فهم” (faham). Kata-kata Serapan yang dieja berbeza dengan ejaan perkataan asalnya dalam bahasa Arab adalah seperti “رعيت” (rakyat), “قوات” (kuat) dengan dimasukkan vokal alif, perkataan “حروف” (huruf) dengan dimasukkan vokal wau dan “حاضر” (hadir) dimasukkan vokal ya.

Dari segi susunan konsonan dan vokal (pola gabungan konsonan-vokal) KSBA ini, berdasarkan contoh-contoh perkataan yang dikemukakan dalam Jadual 2, KSBA dua suku kata ini adalah terdiri daripada gabungan konsonan-vokal seperti yang berikut:

**Jadual 2.1: Pola Gabungan Konsonan-Vokal Perkataan Dua Suku kata dan Contoh Kata Serapan Bahasa Arab**

Bil.	Pola Gabungan Konsonan-Vokal	Contoh-contoh Kata Serapan Bahasa Arab
1.	K+KVK	حروف, صلاة, جواب, قبور
2.	V+KVK	يقين
3.	KK+KK	رعيت, مخرج, ذره
4.	K+KK	فهم, وحي, شرط, وقف
5.	KV+VK	قوات
6.	VK+KVK	انصاف
7.	KK+KVK	تكبور, تدوير
8.	KV+KVK	حاضر
9.	KV+KK	جيـن

Berdasarkan analisis contoh-contoh KSBA dalam Jadual 2 juga memperlihatkan penggunaan huruf-huruf vokal dalam suku kata perkataan. Sebahagian dairpada perkataan-perkataan tersebut mengandungi huruf vokal dalam perkataan seperti “صلّة” (solat), “يُقْنِي” (yakin) dan “حُرُوفٌ” (huruf) dan sebahagian perkataan lagi tidak menggunakan huruf vokal dalam perkataan seperti “فَهَمَ” (faham) dan “ذَرَهُ” (zarah). Dalam hal ini, Hamdan Abdul Rahman (2014) berkata bahawa orang yang mempelajari bahasa Arab mungkin mengetahui di bahagian mana perlu menggunakan vokal panjang (huruf alif, wau dan ya) dan vokal pendek pada sesepatah kata. Akan tetapi, bagi mereka yang tidak mempelajari bahasa itu (bahasa Arab), agak sukar untuk mengetahuinya. Oleh itu, mereka perlu menghafal (Hamdan Abdul Rahman, 2014).

Selain itu, terdapat juga satu aspek yang boleh dibincangkan di sini, iaitu berkenaan perkataan yang mengalami perubahan makna nahu, iaitu perkataan yang merupakan kata jamak dalam bahasa Arab tetapi dikategorikan sebagai kata mufrad dalam bahasa Melayu. Perkataan tersebut ialah perkataan “jiran”. Hal ini adalah kerana perkataan “jiran” merupakan kata jamak bagi kata mufrad, “jar”. Dalam bahasa Melayu, perkataan “jiran” adalah kata mufrad, dan kata jamaknya adalah “jiran-jiran” yang merupakan kata ganda dalam sistem morfologi bahasa Melayu. Selain perkataan “jiran”, kategori perkataan ini turut boleh dilihat bagi perkataan-perkataan lain seperti perkataan “huruf”, “kubur”, “usul” dan “umum”. Perkataan-perkataan ini merupakan kata jamak dalam bahasa Arab yang berasal dari kata mufrad “harf”, “qabr”, “asl” dan “am”. Hal ini turut terdapat dalam kategori perkataan tiga suku kata seperti ‘syuhada’, ‘muslimat’, ‘musyrikin’ dan ‘hadirin’. Zaharani (2013) turut menyenaraikan perkataan ‘ajaib’, ‘akhbar’, ‘akhlik’, ‘anasir’ dan ‘maklumat’ sebagai perkataan-perkataan yang mengalami perubahan makna nahu.

## (ii) Tiga Suku kata

Menurut Nik Safiah Karim (2015), dalam bahasa Melayu, jumlah kata bagi Kata Tunggal tiga suku kata ini sangat kecil jika dibandingkan dengan Kata Tunggal dua suku kata. Menurut beliau lagi, kebanyakan perkataan

tiga suku kata ini terdiri daripada kata-kata pinjaman. Namun begitu, menurut beliau, terdapat banyak pola gabungan konsonan-vokal bagi kategori ini. Contoh-contoh KSBA bagi Kata Tunggal tiga suku kata dipaparkan seperti di bawah:

**Jadual 4: Kata Serapan Bahasa Arab Aspek Pembentukan Kata:  
Kata Tunggal Tiga Suku kata**

Tahun	Perkataan (Buku Teks)	Muka surat	Perkataan (B. Arab)	Kamus Dewan (2010)	Pola K-V (Jawi)
Tahun 1	عاقبة	82	عقيبة	akibat	KV+K+KK
	فأعده	95	فاعة	faedah	KV+VV+KK
	جماعه	112	جماعة	jemaah	K+KV+KK
Tahun 2	كلمه	4, 11	كلمة	kalimah	K+K+KK
	جدوال	27	جدول	jadual	K+KV+VK
	معلومات	43	معلومات	maklumat	KK+KV+KK
Tahun 3	تذكيره	57	تذكرة	tazkirah	KK+KV+KK
	اعتكاف	84	اعتكاف	iktikaf	VK+K+KV
	صحاب	108	صحابه	sahabat	K+KV+KK
Tahun 4	عبادة	24	عبادة	ibadah	K+KV+KK
	خيانة	27	خيانة	khianat	K+KV+KK
	جنایة	77	جنائية	jenayah	K+KV+KK
Tahun 5	حركة	37	حركة	harakat	K+K+KK
	تهنئة	16, 17	تهنئة	tahniah	KK+KV+VK
	تنيم	116, 117	تنيم	tayamum	K+K+KK
Tahun 6	رواية	3, 13, 44	رواية	riwayat	K+KV+KK
	معجزة	61	معجزة	mukjizat	KK+K+KK
	ممیز	107	ممیز	mumayyiz	K+KV+VK

Berdasarkan kepada contoh-contoh KSBA tiga suku kata dalam Jadual 4 di atas, pengkaji merumuskan bahawa terdapat banyak contoh perkataan serta kepelbagaiannya jenis pola gabungan konsonan-vokal KSBA tiga suku kata dalam buku teks Pendidikan Islam Sekolah Rendah.

Kesimpulan ini adalah berdasarkan kepada jadual di atas yang menyenaraikan perkataan-perkataan yang pelbagai suku kata bagi Tahun 1 hingga Tahun 6. Sekalipun jumlah perkataan tiga suku kata dalam bahasa Melayu agak sedikit berbanding perkataan dua suku kata, namun pola konsonan-vokalnya agak banyak dan kebanyakannya perkataan tiga suku kata ini ialah kata pinjaman (Nik Safiah Karim, 1996).

Perkataan-perkataan KSBA ini juga didapati mempunyai persamaan dan perbezaan dari segi ejaan dengan ejaan asalnya dalam bahasa Arab. Contohnya ialah perkataan “اعنکاف” (iktiqaf), “حركة” (harakat) dan “معجزة” (mukjizat) yang dieja sama dengan perkataan asal dalam bahasa Arab. Persamaan ejaan ini mungkin disebabkan bahawa perkataan-perkataan ini merupakan istilah keagamaan yang ejaannya dikekalkan sebagaimana asalnya dalam bahasa Arab.

Sebagaimana KSBA yang dieja sama dengan ejaan asal dalam bahasa Arab, terdapat jumlah yang banyak juga perkataan yang dieja berbeza daripada ejaan asalnya seperti perkataan “فَاعِدَه” (faedah), “جدول” (jadual) dan “مُعْلَمَة” (maklumat) iaitu melibatkan pertambahan vokal dan jenis huruf ta yang digunakan, iaitu telah ditukar daripada *ta marbutah* (ة) kepada *ta maftuhah* (ت) dan juga daripada *ta marbutah* kepada huruf ha (ه). Ejaan yang berubah ini adalah mengikut ejaan lazim Jawi iaitu menggunakan huruf vokal bagi membunyikan konsonan. KSBA yang dieja mengikut ejaan lazim Jawi adalah merupakan kata umum yang tidak terikat dengan pengejaan asalnya dalam bahasa Arab.

Dari segi susunan konsonan dan vokal (pola gabungan konsonan-vokal) KSBA ini, berdasarkan contoh-contoh perkataan yang dikemukakan dalam Jadual 3 di atas, KSBA tiga suku kata ini adalah terdiri daripada gabungan konsonan-vokal seperti yang berikut:

**Jadual 4.1:** Pola Gabungan Konsonan-Vokal Perkataan Tiga Suku kata dan Contoh Kata Serapan Bahasa Arab

Bil.	Pola Gabungan Konsonan-Vokal	Contoh-contoh Kata Serapan Bahasa Arab
1.	K+KV+KK	جماعه, جنایه, صحابت
2.	KV+KV+KK	عاقبة, فاعيده
3.	K+KV+VK	جدوال, روایت
4.	K+K+KK	كلمه, حركة, تيم
5.	KK+KV+KK	معلومات
6.	KK+K+KK	معجزة
7.	KK+KV+VK	تهنئة, تذکیره
8.	K+KV+KK	خيانات
9.	VK+K+KV	اعتكاف

Berdasarkan Jadual 4.1, dapat dilihat beberapa pola konsonan-vokal KSBA tersebut adalah sama dengan pola gabungan konsonan-vokal bahasa Melayu seperti KV+V+KV (ziarah), KV+KV+VK (rasuah), KV+KV+VK (manfaat), V+KV+KV (ilahi), V+KV+KV (isyarat) dan KV+KV+KV (mahkamah). Berdasarkan contoh-contoh perkataan yang dikemukakan oleh Nik Safiah (1996), pola konsonan-vokal VK+KV+VK hanyalah perkataan-perkataan KSBA, iaitu “ilmiah” dan “ikhtiar”. Pola konsonan-vokal V+KV+VK pula hanyalah perkataan-perkataan serapan bahasa Inggeris. Iaitu “akaun”, “elaun”, “amaun” dan “ideal”.

Berdasarkan analisis contoh-contoh KSBA dalam Jadual 4.1 juga memperlihatkan penggunaan huruf-huruf vokal dalam suku kata-suku kata perkataan. Sebahagian daripada perkataan-perkataan tersebut mengandungi vokal dalam perkataan seperti “عبدة” (ibadah), “جماعه” (jemaah) dan “رواية” (riwayat) dan sebahagian perkataan lagi tidak menggunakan huruf vokal dalam perkataan seperti “حركة” (harakat), “معجزة” (mukjizat) dan “مميز” (mumayiz). Dalam hal ini, Hamdan Abdul Rahman (2014) berkata bahawa mana-mana suku kata yang menggunakan vokal pendek (dalam ejaan asal bahasa Arab) akan dieja tanpa menggunakan huruf vokal, manakala yang memakai vokal panjang akan dieja dengan memakai huruf vokal.

### (iii) Empat Suku kata dan Lima Suku kata

Menurut Nik Safiah Karim (1996), terdapat sebahagian kecil sahaja perkataan dalam bahasa Melayu yang terdiri daripada empat suku kata dan lima suku kata. Menurut beliau lagi, kebanyakan perkataan ini adalah perkataan pinjaman. Menurut Hamdan Abdul Rahman (2014), sebahagian besar kata-kata empat suku kata bagi perkataan jati bahasa Melayu terbentuk daripada gabungan suku kata terbuka, dan sangat sedikit suku kata tertutup. Bagi KSBA pula, bentuknya terhad kepada beberapa jenis gabungan vokal. Contoh-contoh KSBA bagi Kata Tunggal Empat suku kata adalah seperti yang berikut:

**Jadual 6: Kata Serapan Bahasa Arab Aspek Pembentukan Kata:  
Kata Tunggal Empat Suku kata Lima Suku Kata**

Tahun	Perkataan (Buku Teks)	Muka surat	Kamus Dewan (2010)	Pola K-V (Jawi)
Tahun 1	سلسلة مشاركة	111, 112 115, 119	salasilah masyarakat	K+K+KV+KK K+KV+K+KK
Tahun 2	مشارکت ملانکة	45, 72 6, 57	masyarakat malaikat	K+KV+K+KK K+KV+V+KK
Tahun 3	مشاركة ملانکة استقامة	34, 75, 80 48, 49, 50 83	masyarakat malaikat istiqamah	K+KV+K+KK K+KV+V+KK VK+K+KV+KK
Tahun 4	مشاركة وحدانية طمأنينة متوسطة	66, 104, 170 78, 79, 80 121 112	masyarakat wahdaniah tomakninhah mutawassitah	K+KV+K+KK KK+KV+KV+K K+KK+KV+KK K+K+KK+K+KK
Tahun 5	مشاركة استقامة طمأنينة	62, 157, 165 84, 143, 164 144	masyarakat istiqamah tomakninhah	K+KV+K+KK VK+K+KV+KK K+KK+KV+KK
Tahun 6	محاسبه مشاركة ملانکة	79 76, 126, 156 79, 95	muhasabah masyarakat malaikat	K+KV+K+KK K+KV+K+KK K+KV+V+KK

Berdasarkan kepada contoh-contoh KSBA empat suku kata dan lima suku kata dalam Jadual 6, pengkaji merumuskan bahawa hanya terdapat beberapa KSBA empat suku kata dalam buku teks Pendidikan Islam Sekolah Rendah (dan diulang sebut dalam Jadual 6) dan hanya satu perkataan lima suku kata dalam buku teks tersebut, iaitu perkataan “**متوسطة**” (mutawassitah). Kesimpulan ini adalah berdasarkan kepada Jadual 6 yang menyenaraikan perkataan-perkataan yang sama berulang-ulang bagi Tahun 1 hingga Tahun 6. Jumlah KSBA yang sedikit dalam analisis yang dijalankan ini adalah selari dengan kenyataan Nik Safiah Karim (1996) yang menyatakan bahawa bilangan perkataan empat suku kata dalam bahasa Melayu hanya sedikit.

Perkataan-perkataan ini juga didapati mempunyai ejaan yang sama dengan ejaan asalnya dalam bahasa Arab sebagaimana yang dikemukakan dalam Jadual 6. Contohnya ialah perkataan “**طمأنينة**” (tomakninhah), “**وَحْدَانِيَّة**” (wahdaniah) dan “**مَلَائِكَة**” (malaikat). Persamaan ejaan ini mungkin disebabkan perkataan-perkataan ini merupakan istilah keagamaan yang ejaannya dikekalkan sebagaimana asalnya dalam bahasa Arab. Hanya segelintir perkataan sahaja yang berbeza ejaannya, iaitu perkataan (masyarakat), iaitu hanya melibatkan perubahan jenis huruf ta yang digunakan, iaitu telah ditukar daripada *ta marbutah* kepada *ta maftuhah*. Sebagaimana yang telah terdahulu dijelaskan, KSBA yang dieja mengikut ejaan lazim Jawi adalah merupakan kata umum yang tidak terikat dengan pengejeaan asalnya dalam bahasa Arab.

Selain itu, dari aspek jenis suku kata yang digunakan, bagi perkataan bahasa Melayu jati empat suku kata, kebanyakannya perkataannya adalah terdiri daripada suku kata terbuka, seperti perkataan “sementara”, “sederhana”, “cengkerama” dan “selenggara” (Hamdan Abdul Rahman, 2014). Berbeza dengan KSBA, berdasarkan contoh-contoh dalam Jadual 6, dapat diperhatikan bahawa bentuk-bentuk KSBA terdiri daripada suku kata tertutup seperti perkataan “tomakninhah” dan “istiqamah” (استقامة) yang kesemuanya terdiri daripada suku kata tertutup.

Dari segi susunan konsonan dan vokal (pola gabungan konsonan-vokal) KSBA ini, berdasarkan contoh-contoh perkataan yang dikemukakan, KSBA empat suku kata ini adalah terdiri daripada gabungan konsonan-vokal seperti yang berikut:

**Jadual 6.1:** Pola Gabungan Konsonan-Vokal Perkataan Empat Suku kata dan Lima Suku kata serta Contoh Kata Serapan Bahasa Arab

Bil.	Pola Gabungan Konsonan-Vokal	Contoh-contoh Kata Serapan Bahasa Arab
1.	K+K+KV+KK	سلسیله
2.	K+KK+KV+KK	طمانینة
3.	VK+K+KV+KK	استقامة
4.	K+KV+K+KK	محاسبه
5.	K+KV+V+KK	ملانكة
6.	K+K+KK+K+KK	متوسطة

Pola-pola konsonan-vokal KSBA empat suku kata ini adalah berbeza dengan pola konsonan-vokal perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu jati seperti KV+KV+V+KV (sentiasa) dan KV+KV+VK+KV (keluarga). Selain contoh-contoh KSBA empat suku kata di atas, terdapat beberapa lagi KSBA empat suku kata yang tidak terdapat dalam buku teks Pendidikan Islam Sekolah Rendah. Antaranya ialah perkataan “istiadat” (استعادات), “mudarabah” (مضاربة) (مذکورة), “muzakarah” (مۇزاكىراھ) dan “mutalaah” (مطالعۃ).

**Jadual 7:** Analisis Kuantitatif Kata Serapan Bahasa Arab dalam Buku Teks Pendidikan Islam daripada Aspek Pembentukan Kata Bahasa Melayu

KATEGORI PEMBENTUKAN KATA	SUKU KATA	THN 1	THN 2	THN 3	THN 4	THN 5	THN 6	JUMLAH (%)
		KS (%)	KS (%)	KS (%)	KS (%)	KS (%)	KS (%)	
KATA TUNGGAL	1S	4 (4.1)	3 (1.8)	5 (3)	5 (2.5)	8 (3.7)	8 (3.8)	33 (3.0)
	2S	70 (72)	128 (76)	120 (70)	139 (71)	150 (69)	152 (71)	759 (71.2)
	3S	21 (22)	37 (22)	42 (24)	47 (24)	55 (25)	50 (23.4)	252 (23)
	4S	2 (2)	1 (0.6)	6 (3.5)	6 (3)	3 (1.4)	3 (1.4)	21 (1.9)
	5S	0 (0)	0 (0)	0 (0)	1 (0.0001)	0 (0)	0 (0)	1 (0.09)
JUMLAH		97 (9)	169 (15.8)	173 (16.2)	197 (18.4)	216 (20.2)	213 (19.9)	106 (100)

Jadual 7 menunjukkan bahawa peratusan tertinggi KSBA bagi kategori Kata Tunggal adalah kategori dua suku kata (71.2%), diikuti dengan KSBA tiga suku kata (23%), KSBA satu suku kata (3.0%), KSBA empat suku kata (1.9%) dan KSBA lima suku kata (0.09%). Jumlah ini membuktikan bahawa kategori KSBA dua suku kata merupakan kategori yang memiliki jumlah yang tertinggi dalam bahasa Melayu, manakala KSBA lima dan satu suku kata merupakan kategori yang paling sedikit. Pembuktian melalui peratusan ini selari dengan kajian Nik Safiah Karim (2015).

### Rumusan Kajian

Berdasarkan kajian yang dijalankan, dirumuskan bahawa KSBA dalam buku teks Pendidikan Islam sekolah rendah terdiri daripada semua jenis suku kata Kata Tunggal, iaitu satu suku kata, dua suku kata, tiga suku kata, empat suku kata dan lima suku kata. Jumlah perkataan-perkataan ini bagi setiap jenis suku kata adalah sangat berbeza. Sebagaimana bahasa Melayu, KSBA satu suku kata dan lima suku kata menunjukkan jumlah kata yang sangat sedikit berbanding KSBA dua dan tiga suku kata. Dari segi pengejaan, didapati KSBA sebahagiannya dieja sama seperti ejaan asal dalam bahasa Arab, dan sebahagian lagi telah diubah mengikut sistem tatabahasa bahasa Melayu. Selain itu, dari segi huruf vokal, sebahagian KSBA sedia ada (sebagaimana ejaan asal dalam bahasa Arab) mengandungi huruf vokal dalam pengejaannya, terutamanya dalam suku kata kedua, sebahagian lagi mengandungi huruf vokal yang ditambah, dan sebahagian lagi langsung tidak mengandungi huruf vokal.

Selain itu, analisis ini turut menunjukkan kepelbagaiannya pola gabungan konsonan-vokal yang terdiri daripada pola gabungan konsonan-vokal bahasa Melayu jati dan juga pola gabungan konsonan-vokal KSBA. Kebanyakan pola gabungan konsonan-vokal KSBA tidak terdapat dalam pola gabungan konsonan-vokal bahasa Melayu jati. Hal ini adalah kerana pengejaan sebahagian KSBA adalah berdasarkan pengejaan kata asal dalam bahasa Arab, terutamanya dalam suku kata pertama perkataan, misalnya perkataan “umur” yang dieja sama seperti kata asal dalam bahasa Arab, kecuali ditambah vokal (و) dalam suku kata kedua (“عمر” menjadi “عور”). Selain itu, kebanyakan pola gabungan konsonan-vokal KSBA

tidak dimiliki oleh bahasa Melayu. Misalnya, bagi perkataan satu suku kata, pola gabungan konsonan-vokal yang tidak dimiliki oleh bahasa Melayu jati ialah pola KK. Bagi KSBA dua suku kata pula, pola gabungan konsonan-vokal yang tidak dimiliki oleh bahasa Melayu jati ialah K+KVK (seperti جواب), KK+KK (seperti مسجد), K+KK (seperti فهم) dan KK+KVK (seperti تكبور). Bagi KSBA tiga suku kata, pola gabungan konsonan-vokal yang tidak dimiliki oleh bahasa Melayu ialah kesemua KSBA tiga suku kata, iaitu K+KV+KK (seperti صحابٍ), KV+KV+KK (seperti عاقبة), K+KV+VK (seperti جداول), K+K+KK (seperti كلمه), KK+KV+KK (seperti معلومات), KK+K+KK (seperti معجزة) dan K+VV+KK (seperti خيانت). Bagi KSBA empat suku kata pula, pola gabungan konsonan-vokal yang tidak dimiliki oleh bahasa Melayu jati ialah K+KV+V+KVK seperti perkataan “ملائكة” dan K+KV+K+KK bagi perkataan “محاسبه”.

## **Penutup**

Kajian KSBA ini diharapkan akan dapat meningkatkan pengetahuan dan kesedaran para pelajar mahupun guru-guru mata pelajaran Jawi tentang kekayaan kosa kata KSBA dalam buku teks Pendidikan Islam, khususnya buku teks Pendidikan Islam sekolah rendah. Selain itu, pengejaan KSBA sama ada menurut pengejaan kata asal bahasa Arab atau tidak turut menjadi khazanah ilmu yang perlu digali serta diberi perhatian. Hal ini turut boleh diperhatikan melalui aspek pola konsonan-vokalnya dan kewujudan huruf vokal dalam perkataan. Selain itu, kajian KSBA dari aspek pembentukan kata bahasa Melayu ini diharapkan akan menjadi titik tolak kepada kajian KSBA dalam sistem tatabahasa bahasa Melayu yang lebih luas dan seterusnya menyemarakkan bidang linguistik bahasa Melayu amnya.

## **Bibliografi**

Abdullah Hassan. 2007. Linguistik Am: Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. PTS Professional.

Ahmad Khair Mohd Nor. 2007. *Pembentukan Kata Dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

- Asmah Omar. 1995. *Rekonstruksi Kata Dalam Bahasa Melayu Induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. 2015. *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi Kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. 2015. *Teori Asas Nahu*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 2002. *Prosiding Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu IV*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bryman, A. 2008. *Social Research Methods*. (3rd ed.). Oxford: Oxford University Press.
- Creswell, J. W. 2009. *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. (3rd ed.). Los Angeles: Sage Publications, Inc.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2000. *Pedoman Ejaan Rumi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2008. *Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farid M. Onn. 1980. *Aspects of Malay Phonology and Morphology: A Generative Approach*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faridah Nazir & Tuan Jah Tuan Yusof. 2013. *Pengantar Linguistik Bahasa Melayu*. Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Gadoua, Abdulhamid. H. 2000. Consonant Clusters in Quranic Arabic. [http://clo.canadatoyou.com/28/Gadoua\(2000\)CLO28\\_61-85.pdf](http://clo.canadatoyou.com/28/Gadoua(2000)CLO28_61-85.pdf)
- Hamdan Abdul Rahman. 2014. *Panduan Menulis dan Mengeja Jawi*, Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hsieh, H. F. & Shannon, S. E. 2005. Three Approaches to Qualitative Content Analysis. *Qualitative Health Research* 15, 1277-1288.
- Matthews, P. H. 2007. *Oxford Concise Dictionary of Linguistics*. Oxford University Press.

- McCarthy, John. J. 2005. Optimal Paradigms. <http://roa.rutgers.edu/view.php3?roa=485>
- Mohd Zaki Abd. Rahman & Che Radiah Mezah. 2016. *Ciri-ciri Bahasa Arab: Fonetik, Morfologi dan Sintaksis*. Edisi Kedua. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Muhammad Abdul Jabbar Beg. 1983. *Arabic Loan Words in Malay: A Survey of Arabic and Islamic Influence Upon the Languages of Mankind (The Heritage of Malay Language)*. Third Edition. Malaysia: Dr M A J Beg.
- Nik Safiah Karim. 2015. *Tatabahasa Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teoh Boon Seong, 1994. *The Sound System in Malay Revisited*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yunus Maris. 1980 [1966]. *The Malay Sound System*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Zaharani Ahmad & Teoh Boon Seong. 2006. Fonologi Autosegmental Penerapannya dalam Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad, Maizura Osman dan Nor Hashimah Jalaluddin. 2011. "Penyerapan dan Pengubahsuaian Konsonan Arab dalam Bahasa Melayu". *Jurnal Bahasa*, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin dan Maizura Osman 2013. "Harmoni Vokal dan Degeminasi dalam Kata Pinjaman Bahasa Arab: Analisis Tatatingkat Kekangan". *GEMA Online<sup>R</sup> Journal of Language Studies, Volume 13(3) September 2013*.
- Zaharani Ahmad. 2014. *Aspek Fonologi Bahasa Melayu: Daripada Derivasi Rumus Kepada Tatatingkat Kekangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.